

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 FEBRUARY 2017

Kit Siang pemimpin *de facto* pembangkang

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 FEB.

PENASIHAT DAP, Lim Kit Siang merupakan ketua umum pembangkang dan beliau bertanggungjawab membuat segala keputusan dalam Pakatan Harapan yang diketuai partinya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, DAP tidak boleh lagi cuba berselindung mengenai perkara itu memandangkan parti tersebut me-

iliki paling banyak kerusi dalam kalangan parti pembangkang.

“Kit Siang merupakan ketua umum pakatan pembangkang. DAP sepatutnya berhenti menyembunyikan perkara ini. Pengundi mengetahui bahawa DAP memiliki paling banyak kerusi dan Kit Siang yang membuat semua keputusan,” katanya menerusi Twitter beliau hari ini.

Pada Jumaat lalu, Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo membidas ahli baharu DAP, Datuk Zaid Ibrahim yang menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad

adalah ketua umum pakatan pembangkang.

Gobind menegaskan, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bukan ketua umum pakatan tersebut dan menafikan wujudnya perjanjian sulit berhubung perkara berkenaan.

Menurut beliau, cadangan untuk menjadikan bekas Perdana Menteri itu sebagai ketua umum pakatan pembangkang tidak pernah dibincangkan atau dipersetujui dalam Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP.

Zaid dalam kenyataannya berkata, Dr. Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin ketika ini yang mempunyai kewibawaan untuk menyatukan dan mengetuai pakatan pembangkang berikutan keadaan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Walaupun Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail secara rasminya mengetuai pakatan pembangkang, beliau dilihat hanya berperanan sebagai boneka memandangkan banyak keputusan melibatkan pakatan tersebut ditentukan oleh DAP.

